

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (16)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 10/03/17

Bismillahirrahmanirrahim

Dalam kehidupan umat Islam yang berbangsa dan bernegara, pembangunan institusi-institusi yang menzahirkan ketamadunan & peradaban adalah diperlukan supaya menfaat yang terhasil darinya dapat dikecapi bersama. Watak-watak yang membentuk, membangun serta menggerakkan institusi-institusi ini berperanan dalam mencorak identiti, jatidiri, budaya dan adat resam dari rahim pandangan alam serta pembangunan insan dalam kerangka rabbaniyah, lalu tumbuh dan berkembang sesuai dengan hukum Allah SWT yang mencipta manusia untuk menyembah kepadaNya serta memakmurkan bumi sebagai para khalifahNya.

Dalam konteks perkembangan ketamadunan bangsa Melayu, tahap kemampuan, kecerdikan, ketajaman dan kehalusan daya fikir serta upaya pada penggubal dan pencipta institusi-institusinya yang tercermin pada ciri-ciri jatidiri, budaya, peradaban, adat resam dan adat-istiadat bangsa ini adalah sukat-sukat kebolehan mereka dalam peranan sebagai pengkarya, pencorak, pembangun dan pemimpin bangsa Melayu yang unik dan tersendiri.

Malahan dari maksud-maksud yang tersirat di sebalik karya, corak, kesenian, gubahan dan ciptaan ciri-ciri ketamadunan bangsa ini sedikit sebanyak menggambarkan keberadaan hikmah, keperibadian tinggi, kesenian, kewibawaan, sifat berpandangan jauh, pandangan alam Islam yang benar serta ketinggian tahap kerohanian mereka sehingga mampu menghasilkan khazanah pusaka abadi yang memperkenalkan kemasyuran peradaban Melayu ke seluruh dunia di zaman kegemilangan bangsa ini suatu masa dahulu.

Ketinggian, kekukuhan dan kehalusan nilai, ciri budaya dan peradaban, malahan adat istiadat sehingga bukan sahaja mempunyai kebelenturannya yang tersendiri namun esensinya tetap terpelihara, malah mampu bertahan daripada pengaruh-pengaruh luar untuk suatu tempuh yang lama mencerminkan daya kebolehan, wibawa, kematangan serta ketulusan hati watak-watak yang membina ketamadunan bangsa ini, menyuntik perisian dalamannya serta menggubal hukum syariat dan hukum adat Melayu. Sehingga keluhuran dan kebolehan tersebut menjadi pembakar semangat untuk menguatkan azam serta daya juang orang-orang Melayu semasa menempuh berbagai cabaran yang bergilir mendatang.

Dalam konteks sejarah pemerintahan Melayu tradisional, banyak faktor dapat diketengahkan sebagai hujah kukuh tentang peranan institusi raja-raja Melayu sebagai pembentuk serta pembangun ketamadunan dan peradaban bangsa ini dalam kerangka rabbaniyah. Raja-raja Melayu bukan sahaja menyumbang jasa dalam menegak serta menyebarkan syiar Islam ke seluruh jajahannya, malahan telah berhasil

membentuk identiti dan budaya Melayu yang berciri unik dan berperadaban tinggi, diikat pada teras syariat dan kerohanian Islam yang utuh.

Jika kita kaji secara halus pada sudut falsafah dan sejarah Islam, dibandingkan dengan ciri-ciri kelayakan khalifah dalam sebuah pemerintahan Islam yang sebenar, dihurai dari aspek sejarah pembentukan identiti bangsa Melayu beserta corak tamadun, budaya dan peradabannya, dinilai ciri adat raja-raja Melayu dalam konteks ajaran Islam itu sendiri, dikaji salasilah raja-raja Melayu dari bangsa Quraisy, malahan dari titisan ahlul-bait Rasulullah ﷺ sendiri, dihalusi kepentingan peranannya sebagai *'tonggak bangsa dan agama'* dalam semangatnya yang sebenar dan bukan sebagai simbolisme identiti Melayu semata-mata, dihayati pengalaman dan jasa raja-raja Melayu dalam sejarah bangsa yang panjang, malahan disingkap peranan Institusi Bendahara yang sebenarnya adalah Menteri Tafwidhi yang berciri unik mengikut *'pakaian'* bangsa Melayu.

Sehingga boleh dibuat suatu rumusan di sini, iaitu ciri-ciri peradaban, budaya dan ketamadunan bangsa Melayu adalah menifestasi daripada ilham dan falsafah, ketajaman pemikiran, kewibawaan, kewarasan, hikmah dan keunggulan raja-raja Melayu, dengan bimbingan alim-ulama sufi lagikan arifbillah, khususnya dari jazirah Arab beserta dokongan para pembesar Melayu tradisional. Di sebalik gambaran kehalusan budi budaya serta keperibadian bangsa yang tinggi, kaya dengan adat istiadat dan tatasusila yang indah lagikan kreatif, yang dipusakai secara turun temurun adalah raja-raja Melayu yang berkuasa dan berdaya, iaitu berdaya fikir, berdaya peradaban, berdaya seni, berdaya saing dan berdaya maju. Maka bolehlah dikatakan raja-raja Melayu umpama lebah yang menghasilkan madu sehingga telah dapat dihirup faedahnya oleh bangsa Melayu yang bertuah ini sejak kurun berkurun.

Dalam konteks ini, sama-samalah kita menyelami titah Sultan Aceh yang tersohor, iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636M) seperti berikut sebagai mempamirkan hikmah, kebijaksanaan serta wibawa seorang Raja Melayu Nusantara yang silam :

"... dan lagi raja-raja hendaklah mengamalkan lapan perkara. Pertama hendaklah selalu ingat akan Allah dan meneguhi janji dengan sekalian wazir-wazir dan menteri hulubalang dan sekalian pegawai dan dengan sekalian rakyat. Kedua, janganlah raja-raja menghinakan alim-ulama dan yang ahli akal bijaksana. Ketika, segala yang datang pada pihak musuh daripada seterusnya jangan sekali-kali raja percaya. Keempat, hendaklah raja memperbanyak alat senjata dan membeli kesayangan rakyat dan wazir sipahi (tentera), supaya jauhlah musuh raja, sebab ada yang menghalaukan dengan sayang. Kelima, hendaklah raja menurunkan tangan, yakni murah. Hendaklah mengingat kesetiaan rakyat, wazir dan alim-ulama dan sekalian sipahi dengan membalas jasanya masing-masing dengan tertib. Keenam, hendaklah raja menjalankan hukum dengan hukum Kitab Allah dan Sunnah Rasul, iaitu seperti yang telah tetap di dalam Qanun Al-Asyi Darussalam; Pertama Al-Quran, kedua Al-Hadis, ketiga Ijma', keempat Qiyas, maka... keluar daripada itupun empat perkara: Pertama

hukum, kedua adat, ketiga qanun, keempat resam. Ketujuh, janganlah raja-raja itu duduk dengan orang yang jahat budi dan jahil. Kedelapan, hendaklah raja-raja itu memelihara hati orang yang berbuat baik kepada raja dan kepada negeri dan kepada rakyat. Maka hendaklah raja memandang kepadanya serta memaniskan muka raja memandang mereka itu senantiasa senang hati, kerana ia banyak kebaktian kepada raja. Hendaklah raja itu memeriksa sekalian wazir-wazir dan hulubalang dan segala orang yang jahat dan durhaka dan tiada ia mengikut Qanun kerajaan. Maka tiap-tiap yang salah itu hendaklah dihukum dengan tertib supaya jangan zalim menjatuhkan hukum.

*Dan demikian lagi raja-raja hendaklah senantiasa ia memandang sekalian ulama dan bermesyuarat dengan alim ulama dan mendengar nasihat ulama. Dan hendaklah raja-raja itu menjauhkan diri dari bersahabat dengan ulama jahat dan ulama jahil dan ulama tamak, iaitu ulama-ulama yang suka memuji-muji raja dan maghzul*kan dia dan mengharap minta keridhaan raja. Maka ulama itu tamak, yakni tamak kepada dunia. Maka ulama itulah yang membikin huru-hara negeri dan yang memecah-belah rakyat, seperti dajjal...”*

Wallahu ‘alam bissawab